

Headline	Dua terkorban pasang kabel		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Aug 2020	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	17
ArticleSize	259 cm <sup>2</sup>	Journalist	Mohamed Farid Noh
PR Value	RM 30,609		



Oleh Mohamed Farid Noh  
am@hmetro.com.my

### Iskandar Puteri

Dua pekerja melakukan kerja pemasangan kabel maut terkena renjatan elektrik dalam kejadian di Jalan Bunga Raya, Leisure Farm Resort, Gelang Patah, dekat sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 8 malam berkenaan, Mohd Faizul Mohd Fauzi, 37, dan Shahlan Mohamed, 30, disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian.

Komander Operasi, Pegawai Bomba Kanan II Mohd Anuar Mohd Amdzah dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Iskandar Puteri, berkata, satu jentera dengan sembilan anggota dikejar-kan ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan kece-masan jam 8.20 malam.

“Setibanya Pasukan Ke-luaran Operasi (PKO) di lo-kasi kejadian didapati dua mangsa berkenaan berada dalam takungan air diper-punyai terkena renjatan elek-trik ketika melakukan kerja pemasangan kabel di situ.

“Anggota menaikkan dua mangsa berkenaan di tebing selepas Tenaga Nasional Bhd



ANGGOTA bomba mengangkat jasad dua mangsa yang terkorban di tempat kejadian, malam kelmarin.

# Dua terkorban pasang kabel

*Mayat mangsa ditemui dalam takungan air*

(TNB) memotong aliran arus elektrik di situ.

“Ke-dua-dua mangsa disahkan

**Operasi anggota bomba ditamatkan pada jam 10.05 malam**

sudah meninggal dunia di tempat kejadian sebelum diserahkan kepada Polis Di-

raja Malaysia (PDRM) untuk tindakan selanjutnya,” katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Mohd Anuar berkata, operasi ditamatkan jam 10.05 malam.